

BAHASA MELAYU



 **PENGGOLONGAN KATA**
kata kerja tak transitif

MOHAMED NAIM DAUPI



Malam akan diteruskan
Naim lalui zaman gona papan hiburan kepada...

GENTAMAYA MOHAMED NAIM DAUPI

TUMPAS

MIND

Kata Kerja yang tidak memerlukan **OBJEK**

Pengembara wanita ini sedang
bersedih.

Api itu sedang bernyala.

Mulut wanita ini berkamat-kamit
kerana membaca doa.

Dia juga merayu kepada
penjenayah itu.

LATIHAN:

Isikan tempat kosong dengan kata kerja tak transitif.

- 01 Burung tiung itu _____ di dahan pokok jambu.
- 02 Kami _____ ketika melihat peristiwa aneh itu.
- 03 Askar-askar musuh itu _____ terhadap ketua mereka.
- 04 Bangunan yang berusia satu abad itu telah _____.
- 05 Mereka asyik _____ walaupun hampir masuk maghrib.
- 06 Pemuda itu _____ lalu _____ ke dalam restoran itu.
- 07 Padi di sawahnya sudah _____ dan esok, dia hendak _____nya.

kata kerja tak transitif

KATA KERJA TAK TRANSITIF BERPELENGKAP

Kata kerja yang mesti diikuti dengan pelengkap (bukan objek) untuk menyempurnakan maksud ayat.

KATA KERJA TAK TRANSITIF TANPA PELENGKAP

Kata kerja jenis ini boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut dan tanpa bergantung pada unsur-unsur lain bagi melengkapkan makna atau maksud ayat.

**KATA KERJA
TAK TRANSITIF
TANPA
PELENGKAP**

Kata kerja jenis ini boleh berdiri sendiri tanpa objek atau tanpa bergantung pada unsur-unsur lain bagi melengkapkan makna atau maksud ayat.

- 1 Semua murid di sekolah ini telah pulang.
- 2 Setelah bersolat, Haji Maun pun berdoa.
- 3 Dia tidur kerana terlalu mengantuk.
- 4 Sultan Nizam sedang beradu.

**KATA KERJA
TAK TRANSITIF
BERPELENGKAP**

Kata kerja yang mesti diikuti dengan pelengkap (bukan objek) untuk menyempurnakan maksud ayat.

- 1 Kamu hendaklah berbuat baik .
- 2 Pesakit jantung itu beransur sihat.
- 3 Kakak saya hendak menjadi guru.
- 3 Mereka berlima diam di Kampung Ubi Kayu.

KATA KERJA TAK TRANSITIF TANPA PELENGKAP

Kata kerja tak transitif boleh diikuti dengan unsur keterangan yang berfungsi memberikan maklumat tambahan.

- 1 Tiga orang pemuda itu sedang berbaring di atas amben itu.
- 2 Mereka bersiar-siar di tepi pantai East Coast.
- 3 Pemuda itu tersenyum seorang diri.
- 4 Mereka bernyanyi dengan gembiranya.
- 5 Mereka berbual-bual dengan penduduk kampung itu.
- 6 Dia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Hakim.
- 7 Askar yang berani itu gugur di medan pertempuran.
- 8 Mereka memberontak kerana pemerintah tidak bersikap adil.

KATA KERJA TAK TRANSITIF BERPELENGKAP

Unsur-unsur yang menjadi pelengkap boleh terdiri daripada kata adjektif, frasa sendi nama, kata nama, atau lain-lain..

- 1 Luka di lengannya sudah beraansur baik.
- 2 Semangatnya untuk ke menara gading bertambah tebal.
- 3 Dia terus berdiam diri.
- 4 Kambingnya berjumlah sepuluh ekor.
- 5 Orkid-orkid tanamannya tumbuh subur.
- 6 Mereka duduk di amben itu.
- 7 Kapal kargo itu sedang berlabuh di pelabuhan Jurong

LATIHAN:

Lengkapkan tempat kosong dengan kata kerja tak transitif berpelengkap.

- 01 Pak Lebai sedang _____ di masjid.
- 02 Belon yang besar itu sudah _____.
- 03 Sultan sedang _____ di bilik peraduannya.
- 04 Padi Pak Leman itu sedang _____.
- 05 Wanita itu _____ kepada abang saya.
- 06 Budak itu _____ kerana merindui ibunya.
- 07 Askar-askar itu terus _____ ke medan pertempuran.
- 08 Abang Dali sedang _____ di dalam kamarnya.
- 09 Tetamu saya itu _____ dari Jepun.
- 10 Kepalanya _____ di dinding kayu itu.
- 11 Kapal angkasa itu _____ di padang pasir.
- 12 Kapal pesiaran itu _____ tatkala ribut melanda.

LATIHAN:

Pilih kata kerja tak transitif berpelengkap yang tepat.

- | | | |
|-------------------|----|--|
| A) MUNDUR | 1 | Harga emas itu ke paras yang terendah. |
| B) MUNGKIR | 2 | Makanan yang dikunyahnya sudah |
| C) LUMPUH | 3 | Serbuk kopi itu sudah ke bahagian bawah gelas itu. |
| D) KEMBUNG | 4 | Markah yang diperolehinya semakin |
| E) GUGUR | 5 | Dia Untuk membawa buku bahasanya |
| F) JATUH | 6 | Harga emas itu ke paras yang terendah. |
| G) LEMAU | 07 | Makanan yang dikunyahnya sudah |
| H) HADAM | | |
| I) MENDAK | | |
| J) LUPA | | |

LATIHAN:

Pilih kata kerja tak transitif berpelengkap yang tepat.

- | | | |
|---------------------|----|---|
| A) BERTAHAN | 01 | Kain songket yang dipakainya
..... hingga mencecah tanah. |
| B) BERSENAM | 02 | Api kebakaran itu
hingga membakar tiga buha kilang. |
| C) BERTUGAS | 03 | Ayah setiap pagi agar
tubuhnya sihat. |
| D) MEMBESAR | 04 | Pegawai polis itu di Balai
Polis Bedok. |
| E) TERJATUH | 05 | Askar kita terus daripada
serangan musuh. |
| F) TERTEKAN | 06 | Jantungnya akan terus
selagi alat bantu pernafasan
terpasang di tubuhnya. |
| G) BERDENYUT | 07 | Api colok itu akan terus
selagi ada bahan bakarnya. |
| H) MENYALA | 08 | Jiwanya sejak anak
tunggalnya mengambil dadah. |
| I) MEREBAK | | |
| J) TERLUCUT | | |

TAMAT